UNTUK SIARAN SEGERA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KENYATAAN MEDIA

BAKI 880 CALON SIMPANAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN PENGAMBILAN 2025 AKAN DITAWARKAN PELANTIKAN SEBELUM 14 DISEMBER 2026

Kementerian Pendidikan (KPM) cakna terhadap keluh kesah calon simpanan bagi jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang akan tamat tempoh pada 14 Disember 2026.

Sehingga kini seramai 3,537 daripada 4,417 calon simpanan pengambilan 2025 telah ditawarkan surat pelantikan. KPM dan SPP telah mengadakan perbincangan bagi merungkai isu ini dan seterusnya telah bersetuju agar baki 880 orang calon simpanan PPP ditawarkan pelantikan sebelum tarikh tamat tempoh berkenaan.

Selepas selesai urusan pelantikan, KPM akan membuat penempatan berdasarkan kekosongan tempat dan opsyen yang sesuai.

Keputusan ini mencerminkan komitmen Kerajaan MADANI dalam memastikan bakat dan minat mereka yang ingin mendidik anak-anak kita dimanfaatkan sepenuhnya. KPM merakamkan penghargaan terhadap keprihatinan semua pihak terhadap isu pelantikan calon simpanan PPP.

TAMAT

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
17 NOVEMBER 2026